



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
INSTITUSI KEWANGAN
PEMBANGUNAN**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 8 Mac 2016.

Panduan Institusi Kewangan Pembangunan disemak sehingga 30 Januari 2014 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Institusi Kewangan Pembangunan disemak sehingga 8 Mac 2016.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	2
Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum	2
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	2
LAYANAN CBP MENGIKUT JENIS PEMBEKALAN.....	3
PERKHIDMATAN DIIMPORT.....	4
LAYANAN CBP KE ATAS IKP	4
MENDAPATKAN CUKAI INPUT TETAP	5
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	9
PERTANYAAN	12
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP	12
LAMPIRAN 1	13

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya ke atas perkhidmatan perbankan yang disediakan oleh Institusi Kewangan Pembangunan (IKP).

Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat dikenakan ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di dalam Malaysia melainkan dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang diimport ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar sepanjang pengeluaran rantai pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat sahaja dikenakan cukai, oleh itu dapat mengelakan daripada dikenakan cukai berganda..

4. Di Malaysia, orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang di bekalkan kepada pelanggannya. Ia dibenarkan membuat tuntutan semula apa-apa CBP yang dibayar ke atas pembeliannya yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai tersebut tidak merupakan kos kepada perniagaan dan tidak wujud sebagai satu perbelanjaan dalam penyata kewangan perniagaan.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

5. Industri Kewangan Pembangunan (IKP) di Malaysia merupakan institusi kewangan yang khusus ditubuhkan oleh kerajaan dengan mandat yang spesifik untuk membangun dan menggalakkan sektor utama yang dianggap mempunyai kepentingan strategik kepada objektif sosio ekonomi negara secara keseluruhannya.

6. Di Malaysia terdapat enam buah IKP di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia melalui enakmen Akta Institusi Kewangan Pembangunan (AIKP) 2002.

Selain itu, terdapat IKP lain yang dibiayai oleh kerajaan yang mempunyai mandat spesifik yang tersendiri. Sila rujuk kepada senarai di Lampiran 1.

LAYANAN CBP MENGIKUT JENIS PEMBEKALAN

7. IKP biasanya membuat tiga jenis pembekalan iaitu pembekalan dikecualikan, berkadar standard dan berkadar sifar.

(a) **Pembekalan Dikecualikan**

Dalam amalan biasa, IKP menyediakan pinjaman, memanjangkan kredit atau menerima simpanan dan menawarkan fasiliti lain yang serupa, dan dengan itu memperolehi faedah atau keuntungan sebagai balasan. Pembekalan ini dikira sebagai pembekalan dikecualikan di bawah CBP.

(b) **Pembekalan Berkadar Standard**

Pembekalan adalah berkadar standard jika terdapat caj asas atau yuran tetap dikenakan ke atas pembekalan tersebut. Perkhidmatan berasaskan yuran adalah pembekalan berkadar standard. Contoh perkhidmatan berasaskan bayaran adalah:

- (i) pemprosesan pinjaman;
- (ii) perkhidmatan arahan tetap;
- (iii) perkhidmatan sewaan;
- (iv) perkhidmatan pengiraan wang syiling dan deposit matawang;
- (v) perkhidmatan prabayar dan tambah nilai;
- (vi) perkhidmatan penyimpanan peti simpanan atau penjagaan, penulisan wasiat; dan
- (vii) perkhidmatan perantara dimana bayaran atau komisen dikenakan (contohnya: perkhidmatan mengatur, pembrokeran, menaja jamin dan khidmat nasihat berhubung dengan kewangan)

Bagaimanapun, terdapat juga yuran atau caj tertentu yang tidak tertakluk

kepada CBP. Ini adalah yuran atau caj dikenakan sebagai ganti rugi atas kehilangan, kerosakan atau denda dikenakan oleh bank kepada pelanggan kerana tidak memenuhi syarat-syarat. Penalti atau denda ini tidak tertakluk kepada CBP dan caj penalti ini akan termasuk:-

- (i) caj lewat bayar;
- (ii) yuran komitmen (bagi bahagian overdraf yang tidak diguna);
- (iii) caj ganti rugi bagi cek tak laku; dan
- (iv) caj lebihan overdraf.

(c) **Pembekalan Berkadar Sifar**

Perkhidmatan IKP yang diberikan kepada pelanggan yang berada di luar negara adalah berkadar sifar sekiranya pada masa perkhidmatan tersebut diberi, pelanggan berada di luar Malaysia. Perkhidmatan IKP yang diberikan berkaitan dengan tanah dan barang yang terletak di luar Malaysia juga berkadar sifar.

PERKHIDMATAN DIIMPORT

8. Perkhidmatan yang diterima (diimport) dari luar negara, adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard jika pembekalan tersebut adalah pembekalan bercukai apabila dibuat di Malaysia. Dalam kes sedemikian, mekanisme caj balikan terpakai seolah-olah pengimport (contohnya institusi kewangan) telah membekalkan perkhidmatan kepada dirinya sendiri. Penerima mesti mengakaunkan CBP yang ditanggung ke atas perkhidmatan bercukai itu. Bagaimanapun, dia berhak untuk menuntut CBP yang ditanggung atas input.

LAYANAN CBP KE ATAS IKP

9. Sebagai institusi kewangan yang khusus, IKP seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan Agro Bank menyediakan perkhidmatan perbankan yang serupa seperti aktiviti yang disediakan oleh bank komersil seperti operasi akaun semasa, deposit dan simpanan tetap, penyediaan pinjaman dan pembiayaan dagangan. Layanan CBP ke atas penyediaan

perkhidmatan kewangan adalah disediakan dalam Panduan Perbankan Komersil dan Panduan Perbankan Islam. Sila rujuk kepada panduan tersebut untuk maklumat lanjut.

10. Tekun Nasional, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Amanah Ikhtiar Malaysia adalah contoh IKP yang dibiayai oleh kerajaan. Secara asasnya, aktiviti utama mereka adalah penyediaan pinjaman kepada seseorang usahawan sama ada untuk jangka masa pendek atau panjang. Penyediaan pinjaman adalah pembekalan dikecualikan tetapi perkhidmatan berasaskan yuran adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

MENDAPATKAN CUKAI INPUT TETAP

11. Secara umumnya, pembekal bercampur boleh membuat tuntutan cukai input dalam keadaan berikut:

- (a) menuntut cukai input sepenuhnya jika input itu diagih kesemuanya kepada pembekalan bercukai;
- (b) tidak boleh menuntut kredit cukai input jika input diagih kesemuanya kepada pembekalan dikecualikan;
- (c) membahagikan cukai input dengan menggunakan kaedah perolehan jika input baki tidak boleh diagih kesemuanya kepada sama ada pembekalan bercukai atau dikecualikan.

12. Pembekalan yang dibuat oleh institusi kewangan contohnya penyediaan pinjaman/ pembiayaan adalah pembekalan dikecualikan dan cukai input tidak boleh dituntut. Bagaimanapun, bank dan institusi kewangan lain yang menyediakan pinjaman atau pembiayaan kepada perniagaan dibenarkan untuk menggunakan kaedah mendapat cukai input tetap untuk menuntut CBP yang ditanggung atas input perniagaan mereka.

13. Kaedah mendapat cukai input tetap adalah satu kaedah di mana sesebuah institusi kewangan seperti:

- (a) bank komersil;
- (b) bank pelaburan;

- (c) bank Islam;
- (d) institusi kewangan pembangunan dan institusi diluluskan yang lain seperti dalam Jadual Pertama, Peraturan-peraturan CBP 2014 adalah layak untuk mendapatkan semula cukai input berdasarkan kadar tetap mengikut peratusan yang ditentukan oleh Menteri.

14. Kadar tetap ini tertakluk kepada semakan semula dan institusi yang berlainan boleh diberi kadar tetap yang berbeza seperti ditentukan oleh Menteri.

15. Jika sesebuah institusi kewangan dibenarkan mendapatkan semula cukai input menggunakan kaedah FITR, amaun cukai input yang dibenarkan adalah berdasarkan formula berikut:

$$A \times B$$

yang mana: **A** adalah jumlah cukai input ditanggung dalam tempoh bercukai

dan **B** adalah kadar tetap.

16. Jumlah cukai input ditanggung dalam tempoh bercukai termasuk:

- (a) cukai input berhubung dengan pembekalan dikecualikan, contohnya pinjaman diberi kepada perniagaan dan individu;
- (b) cukai input berhubung dengan pembekalan berkadar standard dan berkadar sifar;
- (c) cukai input berhubung dengan pembekalan lain dikecualikan, contohnya aktiviti pelaburan.

17. Bagi Bank Islam dan institusi kewangan lain yang membuat pembekalan kewangan mengikut prinsip Syariah, cukai input ditanggung ke atas pembekalan berhubung dengan pembiayaan Syariah boleh dituntut sepenuhnya. Sila rujuk kepada Panduan Kredit Input Cukai untuk maklumat lanjut.

Contoh 1:

Dalam bulan Oktober 2015, sebuah IKP berdaftar CBP menanggung CBP ke atas berikut:

- (a) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan (penyediaan pinjaman kepada perniagaan) - RM36,000
- (b) cukai input berhubung pembekalan berkadar standard (perkhidmatan berasaskan yuran) - RM18,000
- (c) cukai input ke atas aktiviti pelaburan - RM12,000

IKP tersebut dibenarkan untuk mengguna kaedah mendapat cukai input tetap untuk menuntut CBP ditanggung ke atas input perniagaannya pada kadar 70% bagi tahun 2015.

$$\begin{array}{rcl}
 \text{Cukai Input} & = & \text{Cukai Input ditanggung dalam} & \text{kadar} \\
 \text{Boleh} & & & \text{X tetap} \\
 \text{Dituntut} & & \text{tempoh bercukai} & \\
 & & (\text{RM36,000} + \text{RM18,000} + & \\
 & = & \text{RM12,000}) & \text{X 70\%} \\
 & = & \text{RM46,200} &
 \end{array}$$

Contoh 2:

Bagi tempoh bercukai Oktober 2015, IKP di atas menanggung CBP ke atas berikut:

- (a) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan (penyediaan pembiayaan kepada perniagaan mengikut prinsip Syariah) - RM15,000
- (b) cukai input ke atas pembekalan berkadar standard (pembekalan berasaskan yuran) - RM36,000
- (c) cukai input ke atas aktiviti pelaburan - RM12,000

Bagi tahun 2015, IKP tersebut dibenar untuk menggunakan kadar tetap yang ditentukan pada 70% bagi tujuan menuntut cukai input.

<i>Cukai Input Boleh Dituntut</i>	=	<i>Cukai Input ditanggung dalam tempoh bercukai</i>	X	<i>kadar tetap</i>
		<i>(RM36,000 + RM12,000)</i>	X	<i>70%</i>
	=	<i>RM33,600</i>		

Bagi tempoh bercukai Januari 2016, IKP tersebut dibenar untuk menuntut cukai input pada amaun:

$$RM33,600 + RM15,000 = RM48,600$$

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pendaftaran CBP

S1. Syarikat A menyediakan pembiayaan dan khidmat sokongan kepada usahawan kecil seperti telah diberi mandat oleh kerajaan. Adakah Syarikat A perlu berdaftar di bawah CBP?

J1. Untuk berdaftar di bawah CBP seseorang hendaklah membuat pembekalan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan sebanyak RM500,000. Oleh kerana perkhidmatan pembangunan keusahawanan dan khidmat sokongan adalah berasaskan yuran, perniagaan Syarikat A hendaklah berdaftar di bawah CBP sebaik saja nilai perolehannya melebihi RM500,000. Bagaimanapun, Syarikat A boleh juga mendaftar perniagaannya secara sukarela di bawah CBP jika perolehannya di bawah nilai ambang.

Pembekalan oleh Institusi Kewangan Pembangunan

S2. Apakah layanan CBP ke atas pembiayaan kepada usahawan Malaysia bagi tujuan menubuhkan atau mengembangkan restoran Malaysia di luar negara?

J2. Penyediaan pembiayaan pinjaman bagi tujuan menubuh atau mengembangkan restoran Malaysia di luar negara adalah pembekalan dikecualikan, Bagaimanapun, yuran pemprosesan yang dikenakan kepada pelanggan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S3. Bank ABC memberi cenderamata seperti tabung duit, kotak pensil, topi dan lain-lain sebagai hadiah percuma kepada pendeposit baru bagi membuka akaun simpanan. Adakah hadiah percuma ini tertakluk kepada CBP?

J3. Barang hadiah percuma adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Bagaimanapun, di bawah peraturan hadiah perniagaan, bank tidak perlu mengakaun cukai output ke atas hadiah (barang) kepada pendeposit itu asalkan kos hadiah itu tidak melebihi RM500.00.

S4. Bank XYZ menyediakan skim Sijil Simpanan Premium (SSP) yang mana hadiah cabutan bertuah seperti kereta, kamera, sijil SSP dan wang tunai

akan diberi kepada pelanggan. Adakah hadiah percuma ini tertakluk kepada CBP?

J4. Barang yang diberi dalam bentuk kereta mewah dan kamera sebagai hadiah kepada pemenang SSP adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Bank XYZ perlu mengakaunkan cukai output. Bagaimanapun, sijil SSP dan wang tunai adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S5. Jamin Kredit Sdn Bhd menyediakan skim jaminan kepada IKS yang telah diberi kontrak kerajaan atau agensi berkaitan kerajaan. Apakah layanan CBP ke atas skim jaminan?

J5. Skim jaminan adalah tidak tertakluk kepada CBP tetapi yuran yang dikenakan bagi pengeluaran jaminan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S6. Adakah perkhidmatan khidmat nasihat atau konsultasi yang disediakan oleh Syarikat B tertakluk kepada CBP?

J6. Perkhidmatan khidmat nasihat atau konsultasi adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Jika perkhidmatan itu diberi percuma ianya bukan suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Jika perkhidmatan itu diberi percuma kepada orang yang mempunyai kaitan, ianya tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S7. Syarikat C menyediakan kursus kepada IKS dan mengenakan bayaran minima. Adakah bayaran ini tertakluk kepada CBP?

J7. Bayaran yang dikenakan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard dengan syarat Syarikat C adalah berdaftar di bawah CBP.

Perolehan dibuat oleh Institusi Kewangan

S8. Adakah geran yang diterima oleh Institusi Kewangan Pembangunan tertakluk kepada CBP?

J8. Geran bukan suatu pembekalan dan tidak terakluk kepada CBP.

Mengakaun cukai

S9. Syarikat D menyediakan seminar atau bengkel untuk usahawan dan individu

yang mengambil skim pembiayaannya atau orang awam dengan dikenakan yuran. Usahawan dan individu itu membayar pada kadar yang lebih rendah dari orang awam. Bagaimanakah saya mengakaun CBP?

J9. Jika diskaun diberi kepada usahawan dan individu yang mengambil skim pembiayaannya, CBP hendaklah diakaun ke atas yuran yang telah diberi diskaun.

S10. Bolehkah Syarikat E menuntut cukai input ditanggung berkaitan dengan faedah perubatan dan rawatan kepada pekerjanya?

J10. Syarikat E tidak layak untuk menuntut cukai input ke atas perbelanjaan perubatan dan rawatan kerana ini adalah input disekat.

S11. Bolehkah Syarikat F menuntut cukai input yang ditanggung berhubung dengan perbelanjaan keraian kepada pelanggan sedia ada?

J11. Syarikat F dibenarkan menuntut cukai input yang ditanggung itu kerana perbelanjaan keraian perniagaan kepada pelanggan sedia ada boleh dituntut.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor IV

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: gstsector4@customs.gov.my.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : ccc@customs.gov.my

**SENARAI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (IKP) DI BAWAH BIDANG
KUASA BANK NEGARA MALAYSIA**

(ditadbir di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002)

1. Bank Simpanan Nasional
2. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank)
3. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
4. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
5. Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
6. Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)

IKP lain

1. Malaysia Building Society Berhad (MBSB)
2. Sabah Credit Corporation
3. Sabah Development Bank Berhad
4. Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.
5. Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.
6. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
7. Perbadanan Nasional Berhad
8. Tekun Nasional
9. Amanah Ikhtiar Malaysia
10. Majlis Amanah Rakyat